

bah

(EMBARGO: Untuk Siaran Selepas 9.30 Malam ini)

Wawancara - Ekonomi

MALAYSIA PERLU PERTAHAN DIRI DARIPADA TEKANAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ekonomi dalam negeri perlu dibangunkan lagi sebagai langkah mempertahankan negara daripada tekanan negara asing.

Ketika bercakap dalam rancangan "Bersama Perdana Menteri" yang disiarkan menerusi TV1 malam ini, Perdana Menteri mengakui Malaysia menghadapi tekanan daripada negara maju atau apa yang beliau sifatkan sebagai "backlash" (tindak balas) kerana pendirian negara yang kritikal dalam hal antarabangsa.

"Usaha mereka untuk meningkatkan kos kita adalah satu daripada manifestasi backlash ini," kata Dr Mahathir, yang kerap membidas Barat dalam tindakan mereka menangani isu-isu antarabangsa.

Dr Mahathir berkata Malaysia setakat ini masih mampu mempertahankan dirinya, tetapi ia "mesti perkukuhkan keadaan ketahanan negara".

"Sedikit sebanyak kita berjaya walaupun kita lantang bercakap di luar negeri. Percubaan mereka untuk, kata orang, kilas tangan kita di belakang, tidak begitu berjaya kerana kita mampu mempertahankan diri kita," katanya. -- lagi.

▼16/08/17-32MS\*

CNS3341

U GB 16-08 00117 BA178

bah

Wawancara - Ekonomi 2 Kuala Lumpur (embargo)

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata ada banyak lagi perkara yang boleh dibuat untuk tujuan itu, antaranya ialah, membangunkan ekonomi dalam negeri.

Menurut Dr Mahathir, antara bentuk tekanan yang boleh diambil oleh negara yang dikritik ialah menyekat barangan Malaysia daripada dijual di negara mereka ataupun mengugut menyekat eksport negara.

"Lawannya ialah kita membesarkan pasaran tempatan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan juga hendak supaya aktiviti perdagangan dalam negeri dipertingkatkan.

"Kita gunakan duit sepanjang masa. Kalau duit seringgit itu bertukar tangan 10 kali dalam masa satu hari, ianya lebih menguntungkan daripada kalam duit itu disimpan begitu saja," katanya. -- lagi

▼16/08/17-34MS\*

CNS3372

U GB 16-08 00106 BA180

bah

Wawancara - Ekonomi 3 (akhir) Kuala Lumpur (embargo)

Perdana Menteri berkata kerajaan juga meluaskan perdagangan antarabangsanya dan mencari pasaran bukan tradisional seperti negara-negara Selatan.

Katanya, Malaysia juga sudah mula melibatkan diri dalam perdagangan berkonsep "third country trading", yang membabitkan para peniaga Malaysia membeli barangan dari sesebuah negara untuk dijual ke negara yang lain.

Dr Mahathir mengakui bahawa Malaysia menghadapi masalah kekurangan infrastruktur yang boleh menjejaskan keberkesanan sektor perdagangan tetapi sedang berusaha menambah kemudahan itu.

Beliau juga berkata kerajaan akan menswastakan agensi-agensinya yang sesuai bagi meningkatkan tahap keberkesanan itu. -- Bernama

AZG: AHH MAI

▼16/08/17-55MS\*